

# 'Kerajaan Malaysia stabil'

BH 16/12/2006

## Soros yakin inisiatif ketelusan beri manfaat besar kepada negara

**K**UALA LUMPUR: Jutawan dan dermawan George Soros berkata, Malaysia bukan mangsa 'sumpahan sumber' seperti negara lain seperti Angola atau Sudan di mana 'kerajaannya rasuah' dan di mana terdapat peperangan puak.

Beliau berkata, Malaysia mempunyai kerajaan yang stabil yang digambarkan oleh prestasi ekonominya.

Bagaimanapun, negara ini patut bekerja ke arah ketelusan dan inisiatif pertanggung jawaban, tambahnya.

"Inisiatif ketelusan di Malaysia menjadi manfaat yang agak besar kepada negara secara menyeluruh," katanya ketika ceramah majlis jamuan makan yang dianjurkan oleh Persatuan Alumni Malaysia London School of Economics and Political Science di sini, malam tadi.

Soros berkata, rakyat Malaysia mempunyai hak untuk menuntut ketelusan dan akauntabiliti daripada kerajaan.

Tuntutan itu, katanya, jika dipenuhi, boleh menjadi penyumbang utama kepada masa depan masyarakat.

Beliau berada di Malaysia untuk melancarkan bukunya bertajuk *The Age of Fallibility* dan sebelum ini semalam, beliau menemui bekas Per-

dana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad yang pernah mempersalahkanannya kerana serangan mata wang semasa Krisis Kewangan Asia 1997/98.

Bagaimanapun, bekas perdana menteri itu berkata, beliau telah menerima penjelasan Soros bahawa beliau tidak terbabit secara langsung dalam kejatuhan nilai mata wang Asia terutama ringgit.

Pada jamuan makan malam itu, Soros berkata, beliau terbabit dalam spekulasi ringgit dan baht Thai sebelum itu tetapi selepas Januari 1997, beliau tidak berdagang dalam kedua-dua mata wang. - Bernama

“*Inisiatif ketelusan di Malaysia menjadi manfaat yang agak besar kepada negara secara menyeluruh*”

**George Soros**  
Jutawan